

TN50 mencatur orang muda

UTUSAN MALAYSIA

7/6/2017 p.10



**MOHD.
NIZAR SUDIN**

GENERASI muda adalah kelompok terbesar dalam masyarakat sesebuah negara. Mereka dikatakan mempunyai sifat-sifat memberontak. Tingkah laku mereka mempunyai kesan penting kepada masyarakat dan masa depan negara. Kalau dilihat dari aspek keupayaan mempengaruhi atau dipengaruhi, tidak kira dari isu apa sekali pun, maka boleh dinilai perkara ini dari segi pendedahan mereka pada teknologi masa ini.

Ambil sahaja contoh paling mudah jumlah pengguna Facebook di negara ini. Bukankah rekod menunjukkan Malaysia menjadi juara pengguna Facebook di rantau Asia Tenggara ini? Bahkan, mereka secara purata menghabiskan lebih tiga jam sehari untuk melayari laman media sosial itu. Hasil kajian dinyatakan oleh Naib Presiden Asia Pasifik Facebook, Dan Neary yang dipetik *Oriental Daily* pada 2016 menunjukkan, netizen di Malaysia purata menggunakan Facebook adalah 187 minit atau lebih tiga jam untuk melayarinya.

Negara lain seperti Thailand ialah 160 minit, Filipina 140 minit dan Indonesia 129 minit. Jadi, apa impaknya? Ya, tidak hairanlah jika isu-isu sosial mengaitkan golongan muda sering mendominasi tajuk-tajuk berita media. Selepas pasca merdeka, pembangunan masyarakat telah menjadi agenda penting dengan pelbagai program pembangunan kemasyarakatan dijalankan.

Realitinya, terlalu banyak masa dan tenaga diberikan kepada isu dan permasalahan serta dasar dan peraturan. Namun tidak banyak kepada pendekatan berdiskusi dan kaedah berdialog. Oleh itu, Transformasi Nasional 2050 atau TN50 adalah suatu usaha dialog bersama generasi muda untuk membentuk masa depan negara.

Dilancarkan pada 19 Januari 2017 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kerajaan

PERATUS PENGGUNA INTERNET MENGIKUT KATEGORI UMUR

Kategori umur	2014 (%)	2015 (%)
Bawah 15	1.6	0.9
15 - 19	13.9	14.6
20 - 24	24.2	22.0
25 - 29	19.3	16.2
30 - 34	13.1	14.0
35 - 39	8.7	10.6
40 - 44	7.3	7.6
45 - 49	4.6	5.7
50 dan ke atas	7.3	8.6

berharap dengan memberi tumpuan dan mendengar luahan dari kelompok generasi muda melalui TN50, komponen utama iaitu pembangunan, kompetensi kepimpinan, gaya kepimpinan dan tingkah laku dapat dikenal pasti.

Program TN50 juga bertujuan meneroka isu-isu yang disuarakan dalam sesi dialog dan seterusnya membuat kesimpulan bagaimana membawa kepada keberkesanan peranan generasi muda dalam mencapai serta menyokong tenaga kerja berprestasi tinggi yang mampu melebihi jangkaan yang telah ditetapkan.

Sehingga kini generasi muda negara telah banyak memperoleh kejayaan yang boleh dibanggakan sebagai profesional di dalam pelbagai sektor pekerjaan dan akademik. Bagaimanapun, ada sebahagian mereka tidak termasuk dalam kelompok tadi dan mereka ini jika tidak dibantu atau diperkasakan, akan lebih menyulitkan proses pembangunan masyarakat dan negara seluruhnya.

Kelompok ini berhadapan cabaran kebimbangan termasuklah sikap negatif masyarakat dan budaya stereotaip. Berdasarkan profil tinggi generasi muda dalam masyarakat, adalah wajar mereka diberi peluang melibatkan diri secara positif kepada usaha-usaha pembangunan agama, ekonomi dan sosial negara.

Sudah menjadi kelaziman golongan muda juga dilihat berminat mendaki karier kepimpinan di

dalam pentadbiran awam mahu pun politik. Tetapi bagaimanakah caranya untuk merencana penglibatan mereka secara positif, sekali gus yang dapat mengubah landskap tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berdaya saing?

Kajian tentang generasi muda telah menarik minat ramai penyelidik dalam pelbagai disiplin sejak sedekad lalu. Walau bagaimanapun, kajian sebelum ini lebih kepada kaedah memperoleh data melalui tinjauan.

Justeru, dialog TN50 adalah jalan terbaik bagi kerajaan untuk berkongsi pendapat dan idea serta menetapkan matlamat bersama ke arah masa hadapan sejajar dengan kehendak generasi muda negara. Sepanjang tempoh dialog, para peneliti dari pelbagai kepakaran akan mengambil pendekatan dari pengumpulan data secara terus dari pelbagai saluran dialog TN50.

Pendekatan secara *live* amat berguna bagi tujuan input dalam memahami isu-isu generasi muda dan diharap segala input akan membantu memahami isu tersebut dari pelbagai disiplin. Fokus dan objektif TN50 terarah kepada sasaran untuk menjadi antara negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

Perkongsian fakta-fakta akan dapat menjawab persoalan berikut:

- Apakah terdapat keperluan inklusif generasi muda dalam agenda pembangunan negara?

- Apakah pengaruh, motivasi, inspirasi, rangsangan dan pertimbangan yang harus diambil kira dalam menyusun program bersama?

- Bagaimanakah elemen transformasi dari perspektif Islam dapat dijadikan salah satu elemen kepimpinan?

Secara umum kita ketahui bahawa generasi muda memiliki kemahiran serta kepakaran yang berguna untuk negara selain bercita-cita menjadi pemimpin di masa hadapan. Mereka memiliki visi, karisma, daya kreativiti serta sanggup berkorban demi negara. Namun perlu diingatkan bahawa asas utama kejayaan TN50 ada-

lah sokongan padu dari generasi muda ke atas usaha kerajaan menggunakan pendekatan *bottom up* sebagai satu pendekatan inklusif.

Dalam hal ini mereka yang terlibat harus menunjukkan penyer-taan yang komprehensif di dalam rangka integrasi dimensi intelektual dan *spiritual* bagi mendefinisikan peranan kepimpinan generasi muda. Ini kerana mereka kini diberi pentas untuk bersuara dalam mencatur masa depan negara bersama kerajaan.

Menurut laporan, sehingga kini lebih 1.2 juta belia telah didampingi dan daripada jumlah tersebut lebih 33,000 aspirasi diterima untuk dianalisis dan seterusnya untuk meneroka proses yang boleh digunapakai. TN50 dilaksanakan bagi mencari titik kefahaman, nota pengalaman dan sudut perspektif dari kaca mata generasi muda.

Kemunculan kumpulan generasi muda yang berdiri bebas (*independent*) tanpa hierarki dan tanpa ketua menunjukkan betapa perlunya kepimpinan berlandaskan *role model* dari perspektif Islam. Sebagai contoh pelantikan Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr. Izhar Ariff sebagai duta TN50.

Juga lebih menarik lagi dengan pelantikan sama pelakon dan pengacara popular, Neelofa. Dengan pengikut seramai lebih lima juta orang di Instagram dan 1.8 juta di laman Twitter, Neelofa dilihat dapat menarik lebih ramai golongan *independent* tadi untuk melibatkan diri dalam agenda TN50.

Namun, pendekatan atau kaedah TN50 dalam konteks generasi muda berlatar belakang budaya Malaysia memerlukan masa dan peluang untuk menjadi lebih mantap dan harus dimanfaatkan. Program lain yang terbukti berjaya selain dari TN50 perlu dipelajari dan dinilai berterusan untuk diserap masuk agar menjadi lebih berkesan.

DATUK MOHD. NIZAR SUDIN ialah penganalisis politik merangkap Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.